

**Najib Lahir Penghargaan Kepada Golongan Petani, Nelayan  
Bernama  
31 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengadakan lawatan sehari ke Kedah pada Rabu, melahirkan penghargaan kepada golongan petani dan nelayan atas jasa mereka kepada negara.

"Saya ke Kedah pagi ini berjumpa petani dan nelayan. Mereka juga berjasa kepada negara," katanya dalam tweet terbaharu beliau pagi Selasa.

Dalam lawatannya, Najib mengadakan walkabout mendekati penduduk di petempatan nelayan pekan Tanjung Dawai, beramah mesra dengan orang ramai dan peniaga.

Perdana menteri juga akan menghadiri Program Perhimpunan Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kedah di Pantai Merdeka dengan menaiki bot Polis Marin dari jeti Tanjung Dawai dan diiringi 40 buah bot nelayan.

Pada sebelah petang pula, Najib dijadual menghadiri majlis Pelancaran Penjenamaan dan Pemasaran Baharu Langkawi dan majlis bersama rakyat Pulau Tuba, perasmian Klinik Rakyat 1Malaysia dan melawat Sub Station Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705857>